

## **TITAH**

**KEBAWAH DULI YANG MAHA MULIA PADUKA SERI BAGINDA  
SULTAN HAJI HASSANAL BOLKIAH MU'IZZADDIN WADDAULAH IBNI  
AL-MARHUM SULTAN HAJI OMAR 'ALI SAIFUDDIEN SA'ADUL KHAIRI WADDIEN,  
SULTAN DAN YANG DI-PERTUAN NEGARA BRUNEI DARUSSALAM**

**SEMPENA  
SAMBUTAN HARI ULANG TAHUN  
ANGKATAN BERSENJATA DIRAJA BRUNEI KE-61 TAHUN 2022**

**HARI SELASA,  
31HB MEI 2022**

Assalamu'alaikum Warahmatullahi Wabarakatuh

Bismillaahir Rahmaanir Raheem

Alhamdulillah Rabbil 'Alameen, Wabihee Nasta'eenu 'Alaa Umuuriddunya Wadden,  
Wassalaatu' Wassalaamu 'Ala Asyarafil Mursaleen, Sayyidina Muhammaddin, Wa'ala  
Aalihee Wasahbihee Ajma'een, Waba'du.

Alhamdulillah bersyukur kita ke hadrat Allah SWT kerana dapat hadir bersama-sama pada pagi ini bagi meraikan Sambutan Hari Ulang Tahun Angkatan Bersenjata Diraja Brunei Yang Ke-61. Beta sangat berbangga dan gembira menyaksikan mutu kawad yang ditunjukkan oleh para peserta perbarisan yang sekaligus melambangkan tahap profesionalisme dan semangat kepahlawanan yang tinggi.

Beta juga telah dan sedang mengikuti perkembangan ABDB sepanjang penubuhannya lebih enam dekad yang lalu, baik dari sudut keupayaan anggota mahupun aset dan kelengkapan yang membolehkannya kekal sebagai institusi pertahanan yang teguh termasuk usaha pemodenannya yang berterusan.

Beta sedia mengambil maklum bahawa ABDB juga sedang merangka perancangan strategiknya berdasarkan "Defence White Paper 2021" yang digabungkan dengan Force 2035 dan Force Structure Review yang masih dikemaskini sebagai panduan dan hala tuju seiring dengan konsep TEPIDOIL iaitu Training, Equipment, People, Information, Doctrine Organization, Structure dan Logistic yang bersesuaian bagi memastikan inisiatif inisiatif yang dikenalpasti dapat dicapai dengan baik.

Dalam perkara pemodenan ini beta pada hemat beta, perancangan yang titih dan kemas sangatlah diperlukan untuk mengatasi sebarang kekurangan atau untuk menutupi jurang jurang kepincangan yang ada. Inilah sasaran utama masa depan untuk dipenuhi. Dalam merangka perancangan ABDB juga adalah perlu untuk mempunyai Defence Posture

yang jelas sesuai dengan keupayaan dan kapasiti ABDB sambil memperkasa pendekatan Whole Of Nation dalam Context Holistic Defence. Dalam erti kata lain, ABDB perlu terus bekerjasama dengan agensi-agensi kerajaan yang berkepentingan dalam sama sama mempertahankan kedaulatan negara, khususnya sempadan daratan, kawasan maritim dan ruang udara.

Melihat kepada peranan ABDB dan persediaan untuk mencapai Gagasan Angkatan 2035 nanti, maka mengambil sukut baik Hari Ulang Tahun ABDB Yang Ke-61 ini beta dengan sukacita mentauliahkan *Squadron 39 Unmanned Aerial System UAS* bagi Tentera Udara Diraja Brunei dan memperkenankan Penubuhan Squadron Bot Tempur dan Trup Risik bagi Tentera Darat Diraja Brunei dan sehubungan dengannya, beta juga sukacita memperkenankan Jawatan Pemerintah Medan Tentera Darat Diraja Brunei dan seterusnya menaiktaraf Jawatan Ketua Staf Tentera Laut Diraja Brunei, Ketua Staf Tentera Udara Diraja Brunei ke pangkat Kolonel iaitu sebanding dengan Unit Tentera Darat Diraja Brunei dan Markas Angkatan Bersama Angkatan Bersenjata Diraja Brunei ketika ini.

Selain daripada memperkasa kekuatan fizikal, beta ingin mengulangi lagi peringatan akan pentingnya pembinaan kekuatan spritual dan sehubungan itu, beta gembira dengan penerbitan Mushaf Al-Quran Sempena Sambutan Jubli Intan ABDB baru-baru ini. Beta yakin, dengan niat ikhlas mengagungkan Kitab suci Al-Quran, semua anggota ABDB yang beragama Islam akan beroleh berkat celik Al-Quran dengan suka belajar dan menjadikan membaca Al-Quran itu sebagai amalan harian. Bagi kita orang Islam, mendekati diri kepada Allah melalui pembacaan Al-Quran adalah satu kekuatan berdasarkan Al-Quran itu adalah mukjizat teragung yang tidak boleh ditundukkan oleh apa pun.

Lalu sesuai dengan tujuan untuk memperkasa sekuriti maka untuk membaca Al-Quran wajarlah dilazimi bagi meraih keberkatan berupa kekuatan dan keselamatan disamping jangan pula leka atau lalai dari menangani sebarang kepincangan yang boleh melemahkan kredibiliti ABDB.

Tidak kurang pentingnya juga, untuk diteruskan ialah komitmen, komitmen negara kepada keselamatan serantau dan antarabangsa, penglibatan ABDB dalam misi pengaman dan pemantau melalui International Monitoring Team sejak 2004, United Nation Interim Force in Lebanon sejak tahun 2008, Information Fusion Centre (IFC) sejak tahun 2013 dan International Decomissioning Body (IDB) sejak tahun 2019 di Republik Filipina serta penugasan di dalam Counter-Terrorism Information Facility (CTIF) sejak tahun 2020 di Republik Singapura telah menaikkan profesionalisme anggota Angkatan Bersenjata Diraja Brunei dan sekaligus mengharumkan nama negara. Beta yakin dengan wujudnya rantau yang selamat maka negara kita juga pasti selamat dimana dengan itu rancangan rancangan pembangunan dan kemajuan negara akan dapat dilaksanakan dengan lancar dan berkesan.

Akhirnya, beta ingin mengucapkan Selamat Hari Ulang Tahun Ke-61 dan tahniah kepada yang menyertai perbarisan pada pagi ini, tidak terkecuali seluruh warga ABDB yang

terlibat dalam menjayakan Sambutan Hari Ulang Tahun Ke-61 ini, setinggi-tinggi penghargaan juga kepada Anggota ABDB yang telah bersara diatas kesetiaan dan kesediaan mereka menyumbangkan bakti bagi keselamatan dan keamanan negara, kepada mereka yang telah kembali ke rahmatullah kita sama-sama mendoakan semoga roh-roh mereka ditempatkan bersama sama dengan para syuhadah.

Sekian Wabillahit Taufeq Walhidayah, Wassalamu 'Alaikum Warahmatullahi  
Wabarakatuh.Sekian, Wabillahit Taufeq Walhidayah, Wassalamu 'Alaikum  
Warahmatullahi Wabarakatuh.

\*\*\*